

**LAWATAN KERJA OLEH KETUA PENGARAH JABATAN BEKALAN AIR (JBA),
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA & TRANSFORMASI AIR (PETRA) KE
EMPANGAN CHEREH, SUNGAI LEMBING, KUANTAN**

Empangan Chereh, 11-12 DISEMBER 2024 : : Lawatan tapak ke Empangan Chereh bagi pemantauan pelaksanaan projek oleh Ketua Pengarah JBA, YBrs. Ir. Hj. Sulaiman bin Kamisan dan turut disertai oleh YBrs. Ir. Hasrul Nizam bin Abdul Rahman, Ketua Seksyen Pengurusan Projek JBA, En. Mohd Fauzie bin Abdul Rahim, Jurutera Awam Penguasa JBA dan tiga (3) orang pegawai. Pengarah Badan Kawal Selia Air (BKSA) Negeri Pahang, YBrs. Tuan Norhazly bin Nion dan pegawai turut hadir bersama wakil Jabatan Perhutanan Negeri Pahang. Pihak Kontraktor Damaikon Sdn. Bhd. yang dihadiri oleh En. Mohd Mujib bin Miswandi dan En. Affendy Kway bin Abdullah serta Perunding Megaconsult Sdn. Bhd.

Projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan di bawah seliaan JBA, PETRA telah mencapai kemajuan sebanyak 97% daripada jadual dengan varian sebanyak +68% bersamaan 441 hari awal sebagaimana yang dilaporkan semasa Mesyuarat Tapak Bil 7 yang dilaporkan pada 12 Disember 2024. Kerajaan Negeri Pahang komited membantu pelaksanaan projek ini demi keselamatan dan keselesaan rakyat di daerah Kuantan khususnya. Dengan penyiapan projek ini ianya membantu menakung air di hilir Sungai Lembing dan berfungsi sebagai tebatan banjir untuk mengurangkan limpahan air ke Sungai Kuantan.

Terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan lawatan ini terutama kepada PKPJ B Dato' Ir. Ts. Dr. Haji Wan Mohammad Zaidi Bin Wan Isa YS Pengarah Negeri, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Pahang, Ketua Balai Bomba Peramu dan Ketua Balai Bomba Kuantan yang turut menyumbang tenaga dan fasiliti bagi perkhidmatan bot sepanjang lawatan kerja ini. Projek ini dijangka akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang pada Mei 2025 selepas berakhirnya Monsun Timur Laut (MTL).

Disediakan oleh : Badan Kawal Selia Air

#MajuTerusPahang

#Pahang1st #KerajaanNegeriPahang

#SumberAirWarisanKita

Foto : Badan Kawal Selia Air

**LAWATAN KERJA OLEH KETUA PENGARAH JABATAN BEKALAN AIR (JBA),
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA & TRANSFORMASI AIR (PETRA) KE
EMPANGAN CHEREH, SUNGAI LEMBING, KUANTAN**



